kitaran haid. Oleh itu, perancangan yang terstruktur melibatkan latihan dengan intensiti dan bebanan yang berbeza mampu mempersiapkan atlet dari segi mental dan fizikal sekaligus menangani tekanan emosi yang mungkin timbul (Bompa & Buzzichelli, 2019). Latihan pliometrik merupakan pilihan yang sesuai dalam proses rehabilitasi atau untuk meningkatkan prestasi atlet dalam pelbagai jenis sukan (Syarifoeddin, 2018; Ramirez et al., 2022).

Di samping itu, latihan mendaki turut memainkan peranan dalam pembentukan kekuatan otot yang penting untuk persediaan larian pantas semasa kejohanan (Highdon, 2016; Wardianti, Sukoco, Ode, Virama & Yudhistire, 2022; Potteiger, 2023). Oleh yang demikian, perancangan latihan yang khusus dan terperinci amat diperlukan bagi atlet wanita bagi memastikan latihan yang dijalani dapat mengurangkan kesan sampingan dan meningkatkan prestasi secara keseluruhan (Sommi, Gill, Trojan & Mulcahey, 2018).

Secara keseluruhannya, keperluan terhadap perancangan latihan yang sistematik dan berkesan bagi atlet wanita adalah penting bagi memastikan pencapaian prestasi tinggi dengan gangguan minimum terhadap kesejahteraan fisiologi dan psikologi. Latihan pliometrik dan latihan mendaki yang dirancang adalah berdasarkan FITT yang standard dan tiada perubahan prinsip FITT dilaksanakan di fasa haid yang berbeza.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kemampuan atlet bertanding dan mencapai kejayaan dalam kejohanan sukan yang dipertandingkan menjadi kayu ukur kepada keberkesanan latihan yang dilaksanakan. Pelaksanaan latihan yang tidak membawa kepada peningkatan prestasi yang memberangsangkan harus dinilai semula supaya perubahan dapat dilakukan. Dalam hal ini, situasi yang membimbangkan wujud apabila atlet wanita daerah Cameron Highlands tidak mencapai sebarang kemenangan dua tahun berturut dalam kejohanan Majlis Sukan Sekolah Negeri Pahang. Hal ini telah dibawa ke mesyuarat pasca nilai penglibatan kontinjen Cameron Highlands dalam Majlis Sukan Sekolah Pahang yang dilaksanakan oleh Unit Kokurikulum, Pejabat Pendidikan Daerah Cameron Highlands. Hasil mesyuarat ini mendapati berlaku penurunan prestasi yang dikenalpasti wujud sejak dua tahun berturut. Disamping itu, jawatankuasa mesyuarat iaitu Unit Kokurikulum, Pejabat Pendidikan Daerah Cameron Highlands turut mengambil keputusan untuk melantik pengkaji bagi mengetuai penyelesaian isu penurunan prestasi ini. Rujuk lampiran A untuk minit mesyuarat dan surat perlantikan sebagai jurulatih.

Pengkaji bersama dengan Unit Kokurikulum Cameron Highlands telah melaksanakan penilaian bersama terhadap program latihan yang telah dilaksanakan selama dua tahun kebelakangan. Hasil penilaian bersama turut mendapati bahawa program latihan yang dilaksanakan terhadap atlet wanita daerah Cameron Highlands adalah sama dengan program latihan untuk atlet lelaki. Pengkaji mendapati atlet wanita dan atlet lelaki menjalani latihan larian 1400m di trek padang dua kali seminggu.

Program latihan yang sama jenis bagi kedua-dua jantina atlet mengakibatkan mereka berhadapan dengan situasi tindak balas yang negatif dan menjurus kepada penurunan prestasi (Whyte, Loosemore & Williams, 2015; Tibana et al., 2021). Atlet wanita hanya menerima manfaat latihan sepenuhnya apabila intensiti dan tempoh masa latihan disesuaikan semula berdasarkan jantina (Whyte et al., 2015; Jukic et al., 2021). Hasil penilaian bersama turut mendapati bahawa perancangan program latihan diperingkat Unit Kokurikulum Cameron Highlands tidak mengambil kira jenis latihan yang dilaksanakan untuk atlet wanita. Malah, turut didapati latihan dirancang tidak mengunapakai kelebihan bentuk muka bumi Cameron Highlands yang berbukit yang wajar dimanfaatkan sebagai kaedah latihan yang lebih efektif bagi meningkatkan kekuatan otot kaki.

Dalam masa yang sama, program latihan untuk atlet wanita masih berada pada tahap minimum dan perlunya program latihan khusus untuk memberi kesan positif terhadap prestasi (Sommi et al., 2018). Program latihan khusus untuk atlet wanita penting kerana pengkaji mendapati kitaran haid, tahap stres dan tahap tekanan darah turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi prestasi fizikal remaja wanita. Kajian menunjukkan bahawa perubahan hormon yang berlaku sepanjang kitaran haid boleh mempengaruhi tahap tenaga, daya tahan dan kekuatan otot yang seterusnya memberi impak terhadap prestasi fizikal (Sartori et al., 2021).

Kitaran haid dan perubahan hormon memberikan kesan yang signifikan terhadap prestasi fizikal atlet wanita. Kitaran haid terdiri daripada empat fasa utama iaitu fasa haid, fasa folikel, fasa ovulasi dan fasa luteal yang masing-masing dipengaruhi oleh rembesan hormon estrogen dan progesteron (Verhoef, Wielink, Achterberg, Bongers & Goossens, 2021). Semasa fasa haid, tahap hormon yang rendah sering dikaitkan dengan penurunan prestasi fizikal, peningkatan rasa keletihan dan ketidakselesaan umum yang boleh mengurangkan keupayaan atlet. Sebaliknya, peningkatan paras estrogen dalam fasa folikel mempengaruhi prestasi atlet secara positif dengan meningkatkan kekuatan, daya tahan dan fleksibiliti membolehkan mereka mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi (McNulty et al., 2020).

Menurut Bompa dan Buzzichelli (2019), latihan yang tidak terancang untuk atlet wanita mengakibatkan wujudnya beban latihan yang mendorong kepada gangguan emosi dan tekanan darah tinggi yang menjadi punca penurunan prestasi. Kajian lepas menunjukkan wujud hubungan signifikan yang positif antara beban latihan dengan tekanan emosi atlet wanita (Zanon et al., 2021; Curzi et al., 2024). Kajian Caselli et al (2019) pula menunjukkan bahawa peningkatan beban latihan secara tidak terancang mengakibatkan tekanan darah yang tinggi justeru menyebabkan penurunan prestasi atlet.

Fasa ovulasi yang dicirikan oleh paras estrogen yang tinggi berpotensi meningkatkan kapasiti atlet dalam aktiviti yang memerlukan usaha tinggi. Namun, ia juga meningkatkan risiko kecederaan disebabkan oleh peningkatan fleksibiliti otot. Pada fasa

luteal, paras progesteron yang meningkat boleh menyebabkan penurunan dalam prestasi fizikal apabila atlet mengalami keletihan yang lebih ketara dan penurunan kapasiti daya tahan walaupun kemampuan untuk melakukan latihan aerobik tetap stabil (Romero et al., 2019; McNulty et al., 2020). Oleh itu, pemahaman yang mendalam mengenai kesan fisiologi kitaran haid terhadap prestasi fizikal atlet wanita adalah penting dalam merancang program latihan yang lebih efektif. Lebih-lebih, perancangan latihan yang efektif dengan mengambil kira variasi hormon sepanjang kitaran haid dapat memaksimumkan prestasi dan meminimumkan risiko kecederaan.

Selain itu, tahap stres yang tinggi, baik disebabkan oleh faktor luaran mahupun dalaman boleh meningkatkan pengeluaran hormon stres seperti kortisol. Hormon kortisol berpotensi menurunkan prestasi fizikal dengan mengganggu pemulihan otot dan meningkatkan risiko kecederaan (Sukhareva, 2021). Gangguan emosi dan tekanan darah pada atlet wanita didapati berkait rapat dengan rembesan hormon estrogen dan progesteron sepanjang fasa kitaran haid (McNulty et al., 2020). Pelaksanaan latihan semasa fasa kitaran haid dengan kadar hormon estrogen yang rendah boleh mengurangkan pengeluaran *nitric oxide* yang seterusnya menyebabkan penurunan kadar relaksasi saluran darah arteri. *Nitric oxide* merupakan molekul gas yang memainkan peranan dalam peningkatan prestasi latihan dengan bertindak sebagai vasodilator untuk melebarkan saluran darah bagi meningkatkan aliran penghantaran oksigen dan nutrien ke otot. Pengurangan *nitric oxide* mengakibatkan aliran darah ke otot rendah yang menyebabkan keletihan pada tubuh badan dan penurunan prestasi fizikal (Genovesi et al., 2022; Vanajakshi & Anjum, 2023).

Begitu juga, tahap tekanan darah yang tidak terkawal atau berubah-ubah semasa kitaran haid boleh mempengaruhi kapasiti kardiovaskular yang menyebabkan keletihan yang lebih cepat dan mengurangkan daya tahan semasa aktiviti fizikal (Brun et al., 2019). Keadaan ini didorong oleh rembesan hormon endotelin ke dalam saluran darah arteri yang menyebabkan pembentukan lapisan sel endotelin mengakibatkan penyempitan saluran darah arteri. Akibatnya, jantung perlu mengepam darah dengan tekanan darah yang lebih tinggi untuk memastikan aliran darah ke seluruh tubuh (McNulty et al., 2020). Pelaksanaan latihan semasa fasa kitaran haid dengan kadar hormon estrogen dan progesteron yang tinggi perlu diberi perhatian kerana kedua-dua hormon ini memberi kesan kepada *prefrontal cortex* yang berpotensi menyebabkan perubahan tingkah laku dan peningkatan tahap stres pada atlet wanita (McNulty et al., 2020).

Pengkaji memilih latihan mendaki dalam kajian ini adalah kerana latihan mendaki melibatkan aktiviti menaiki bukit atau tangga yang berfokus pada penguatan otot kaki terutamanya kuadrisep, hamstring, gluteus dan otot gastroknemius. Aktiviti ini meningkatkan kekuatan, daya tahan dan kestabilan otot bawah badan dengan memberikan rintangan tambahan kepada pergerakan kaki. Keadaan ini dapat memperbaiki prestasi dalam larian dan sukan yang memerlukan kekuatan kaki (Clarke, 2006; Wardianti et al., 2022).

Sementara itu, latihan pliometrik yang melibatkan gerakan melompat dan melantun adalah latihan yang berkesan untuk meningkatkan kuasa otot dengan melatih kelajuan, kekuatan dan koordinasi otot. Latihan ini memberi impak besar pada pengembangan serat otot yang berkait rapat dengan kekuatan dan kuasa eksplosif. Latihan pliometrik seperti lompat jauh, lompat melepasi halangan dan lompat pelbagai arah juga membantu dalam meningkatkan kestabilan otot, mengurangkan risiko kecederaan dan memperbaiki kemampuan atlet dalam aktiviti berintensiti tinggi (Syarifoeddin, 2018; Ramirez et al., 2022). Maka, kedua-dua latihan mendaki dan pliometrik adalah komponen latihan yang penting untuk atlet wanita kerana mereka dapat memberikan manfaat yang signifikan dalam meningkatkan kekuatan otot bahagian bawah badan, meningkatkan prestasi sukan dan mengurangkan risiko kecederaan.

Perancangan program latihan pliometrik dan latihan mendaki harus memenuhi aspek dan manipulasi prinsip FITT bagi membolehkan pengkaji membentuk pelan program latihan yang terancang dan berkesan dalam peningkatan prestasi fizikal disamping mengurangkan stres (Towlson et al., 2021; Meira & Potach, 2023) dan tekanan darah normal dalam diri atlet (Pignanelli, Christiansen, & Burr, 2021; Schultz, La Gerche & Sharman, 2022). Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa program latihan yang dirancang secara khusus untuk atlet wanita berpotensi meningkatkan prestasi fizikal apabila dilaksanakan mengikut fasa berbeza dalam kitaran haid (Forsyth & Roberts, 2018; Koltun, Souza, Scheid & Williams, 2020). Namun demikian, berdasarkan semakan literatur, didapati masih terdapat kekurangan kajian yang secara khusus meneliti kesan

latihan pliometrik dan latihan mendaki terhadap prestasi fizikal, tahap stres dan tekanan darah dalam kalangan atlet wanita sepanjang kitaran haid

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk membandingkan kesan latihan pliometrik dan latihan mendaki terhadap prestasi fizikal, tahap stres dan tahap tekanan darah dalam kalangan atlet sebelum haid, semasa haid dan selepas kitaran haid. Sehingga kini masih belum ada kajian lepas yang menfokuskan kepada kesan latihan pliometrik dan latihan mendaki terhadap prestasi fizikal, tahap stres dan tahap tekanan darah dalam kalangan atlet semasa kitaran haid. Maka, program latihan yang konstan perlu dirancang untuk atlet wanita berfokus pada aspek yang ingin dicapai seperti kekuatan, kuasa dan ukur lilit otot berpandukan kepada prinsip FITT yang dilaksanakan pada fasa haid yang

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Kajian ini memberikan manfaat yang signifikan kepada atlet olahraga wanita berumur 14 hingga 17 tahun dengan menyediakan program latihan yang dirancang secara lebih terperinci dengan mengambil kira aspek fizikal (kekuatan otot, kuasa otot, daya tahan otot dan saiz otot), fisiologi (tekanan darah) dan psikologi (stres). Selain itu, kajian ini juga berperanan penting dalam merangka perancangan latihan yang khusus untuk atlet wanita bagi menilai kesan latihan pada fasa kitaran haid iaitu fasa sebelum haid, semasa haid dan selepas haid. Dengan pendekatan ini, atlet dapat menjalani latihan yang lebih

berkesan pada fasa haid sesuai yang seterusnya meningkatkan prestasi secara keseluruhan.

Kajian ini juga memberikan kelebihan kepada pengkaji, khususnya jurulatih, dalam memahami perbezaan fizikal, kitaran haid, serta faktor emosi dan tekanan darah yang mempengaruhi prestasi atlet. Melalui pemahaman yang lebih mendalam terhadap aspek-aspek ini, kajian ini berperanan dalam merangka program latihan dengan prinsip FITT yang konstan sesuai untuk atlet wanita pada fasa haid yang berbeza.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan yang besar kepada Unit Kokurikulum Daerah Cameron Highlands dalam usaha meningkatkan mutu pencapaian atlet wanita serta memastikan mereka mampu bersaing dengan atlet wanita dari daerah lain. Program latihan yang berkesan yang dicadangkan melalui kajian ini boleh dijadikan sebagai model latihan dan amalan terbaik untuk Unit Kokurikulum Daerah Cameron Highlands yang seterusnya boleh diaplikasikan dalam latihan persediaan untuk Kejohanan Majlis Sukan Sekolah peringkat negeri Pahang.

Kajian ini memberikan manfaat yang signifikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pahang sebagai panduan dalam merancang dan melaksanakan program latihan yang lebih berkesan dan khusus untuk atlet wanita berumur antara 14 hingga 17 tahun. Selain itu, kajian ini berpotensi untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pihak jabatan dan kementerian mengenai kesan negatif daripada pelaksanaan latihan yang tidak terancang terutamanya terhadap aspek fizikal, fisiologi dan psikologi atlet wanita yang masih bersekolah dalam bidang olahraga

Kajian ini juga mempunyai implikasi yang signifikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Sukan, Kesenian dan Kokurikulum) dalam usaha untuk memperkenalkan penambahbaikan yang penting dalam kurikulum pendidikan khususnya dalam memahami pengaruh fasa kitaran haid terhadap prestasi atlet. Penerapan pengetahuan ini dalam pendidikan sekolah rendah dapat memberi pendedahan awal kepada murid mengenai hubungan antara kitaran haid dan prestasi atlet. Pendedahan ini seterusnya menyumbang kepada pembangunan sukan negara. Dengan langkah ini, diharapkan dapat meningkatkan penglibatan atlet wanita yang berprestasi tinggi dalam pelbagai bidang sukan.

### 1.4.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk membandingkan kesan latihan pliometrik dan latihan mendaki terhadap prestasi fizikal, tahap stres dan tahap tekanan darah dalam kalangan atlet sebelum haid, semasa haid dan selepas kitaran haid.

## 1.4.2 Objektif Khusus

- 1.4.2.1 Mengenalpasti perbezaan prestasi fizikal atlet antara kumpulan kawalan, kumpulan latihan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca fasa sebelum haid, semasa haid dan selepas haid
- 1.4.2.2 Mengkaji perbezaan tahap stres atlet antara kumpulan kawalan, kumpulan latihan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca fasa sebelum haid, semasa haid dan selepas haid
- 1.4.2.3 Menilai perbezaan tahap tekanan darah atlet antara kumpulan kawalan, kumpulan latihan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca fasa sebelum haid, semasa haid dan selepas haid

## 1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Adakah terdapat perbezaan tahap prestasi fizikal atlet antara kumpulan kawalan, kumpulan latihan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca fasa sebelum haid, semasa haid dan selepas haid ?
- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan tahap stres atlet antara kumpulan kawalan, kumpulan latihan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca fasa sebelum haid, semasa haid dan selepas haid ?

- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan tahap tekanan darah atlet antara kumpulan kawalan, kumpulan latihan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca fasa sebelum haid, semasa haid dan selepas haid ?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kekuatan otot antara kumpulan kawalan, kumpulan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca pada fasa sebelum, semasa dan selepas haid.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kuasa otot antara kumpulan kawalan, kumpulan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca pada fasa sebelum, semasa dan selepas haid.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap daya tahan otot antara kumpulan kawalan, kumpulan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca pada fasa sebelum, semasa dan selepas haid.

Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap ukur lilit otot gastroknemius antara kumpulan kawalan, kumpulan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca pada fasa sebelum, semasa dan selepas haid.

Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres antara kumpulan kawalan, kumpulan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca pada fasa sebelum, semasa dan selepas haid.

Ho6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres antara kumpulan kawalan, kumpulan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki pada ujian pra dan ujian pasca pada fasa sebelum, semasa dan selepas haid.

## 1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kajian bermula dengan fasa 1 ujian saringan (Raffle, Mackie & Gray, 2019) terhadap populasi kajian seramai 50 atlet. Data SEGAK setiap atlet dikenalpasti dan ditentukan untuk berada pada skor 18 dan ke atas iaitu gred A berpandukan kepada skor keputusan keseluruhan ujian SEGAK. Ujian saringan seterusnya melibatkan soal selidik *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) versi Bahasa Melayu yang dijawab atlet bagi pengkaji menilai tahap stres atlet (Husin, Ghani & Tonot, 2022).

Ujian saringan seterusnya diikuti dengan pelaksanaan ujian tekanan darah 48 jam sebelum intervensi yang dirancang bermula. Ini bagi memastikan atlet yang dipilih memiliki bacaan tekanan darah pada paras normal iaitu bacaan tekanan darah sistolik antara 110-130 mmHg dan bacaan tekanan darah diastolik antara 60-85 mmHg (Flack & Adekola, 2020; Laddu et al., 2024). Pengkaji seterusnya melaksanakan pemerhatian selama tiga bulan terhadap kitaran haid atlet untuk berada pada tahap yang seimbang menerusi carta kitaran haid (Sloane, 2012). Hasil ujian saringan, 30 atlet dipilih menepati skor ujian SEGAK 18 dan ke atas (gred A), tahap stres normal dan tahap tekanan darah normal serta kitaran haid yang seimbang dibahagi sama rata kepada tiga kumpulan


rawatan iaitu kumpulan kawalan, kumpulan latihan pliometrik dan kumpulan latihan mendaki menerusi kaedah persampelan rawak mudah.

Dalam fasa 2 kajian ini, atlet seterusnya menjalani ujian pra iaitu ujian lompat jauh berdiri, ujian squat, ujian *double leg tuck jump*, ukur lilit otot gastroknemius, soal selidik *Profile of Mood States (POMS2-Y Short)* dan ujian tekanan darah dilaksanakan pada fasa sebelum haid (lapan hari sebelum pendarahan haid dijangka bermula), pada fasa semasa haid (hari ketiga setelah pendarahan haid bermula) dan pada fasa selepas haid (hari kelapan selepas tamat pendarahan haid).

Dalam fasa 3 kajian ini, atlet kumpulan kawalan menjalani program latihan yang ditetapkan oleh Unit Kokorikulum PPD Cameron Highlands iaitu larian 1400m dua kali seminggu tanpa berpandukan fasa kitaran haid. Manakala atlet kumpulan rawatan masing-masing menjalani intervensi latihan pliometrik dan latihan mendaki dua kali seminggu selama 12 minggu semasa fasa akhir folikel dan fasa awal luteal berpandukan carta kitaran haid atlet.

Dalam fasa 4 kajian pula, atlet seterusnya menjalani ujian pasca iaitu ujian lompat jauh berdiri, ujian squat, ujian *double leg tuck jump*, ukur lilit otot gastroknemius, soal selidik *Profile of Mood States (POMS2-Y Short)* dan ujian tekanan darah dilaksanakan pada fasa sebelum haid (lapan hari sebelum pendarahan haid dijangka bermula), pada fasa semasa haid (hari ketiga setelah pendarahan haid bermula) dan pada fasa selepas haid (hari kelapan selepas tamat pendarahan haid).

Kajian berakhir dalam fasa 5 apabila data pra dan pasca yang dikumpul dianalisis menerusi ANOVA tiga hala untuk menilai dapatan pra dan pasca atlet yang dicapai pada fasa sebelum haid, fasa semasa haid dan fasa selepas haid antara kumpulan pliometrik, kumpulan mendaki dan kumpulan rawatan.

**Rajah 1.1***Kerangka Konsep Kajian*

## 1.8 Skop dan Batasan Kajian

### 1.8.1 Limitasi Kajian

#### 1.8.1.1 Faktor cuaca

Cuaca merupakan faktor penting pengkaji dalam meneliti pelaksanaan program latihan. Kajian lepas membuktikan cuaca terutamanya hujan serta keadaan yang panas memberi kesan kepada latihan yang dilaksanakan (Wagner, Keusch, Yan & Clarke, 2019). Untuk itu, pengkaji memastikan intervensi dilaksanakan pada waktu petang bagi mengelak keadaan yang panas. Malah, sesi intervensi juga ditangguh ke hari berikutnya sekiranya

cuaca mendung berkilat dan juga hujan bagi memastikan keselamatan atlet dijamin.

#### 1.8.1.2 Faktor kesihatan atlet diluar waktu latihan

Atlet yang menjalani intervensi dengan kesihatan diri yang optimum dapat memastikan kewujudan hasil yang positif terhadap prestasi fizikal (Tenforde, Barrack, Nattiv & Fredericson, 2016; Angulo, Mariam, Alejandro & Leocadio, 2020). Pengkaji memastikan agar atlet diterangkan berkenaan keperluan penjagaan kesihatan sepanjang menjalani intervensi bagi mengelakkan atlet daripada situasi kurang sihat.

### 1.8.1.3 Keseimbangan tempoh kitaran haid atlet

Kitaran haid bagi setiap atlet adalah berbeza dan bergantung kepada diri atlet sendiri dan segala perubahan yang wujud pada kitaran haid dikenalpasti menerusi perekodan. Ubat yang diambil atas masalah kesihatan turut memberi kesan kepada kitaran haid setiap individu (Yu, Han & Nam, 2017; Schweiger, Niederseer, Schmied, Attenhofer & Caselli, 2021). Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan perekodan kitaran haid bagi mengenalpasti pola kitaran haid atlet yang seimbang. Kitaran haid yang seimbang merujuk kepada kitaran yang berlangsung antara 21 hingga 35 hari dengan tempoh pendarahan haid yang biasanya berlangsung antara tiga hingga tujuh hari. Maka, hasil ujian saringan, hanya atlet yang mencapai keseimbangan kitaran haid yang normal

05- selama tiga bulan berturut dipilih bagi menjalani intervensi.

### 1.8.1.4 Faktor pemakanan

Aspek pemakanan perlu diberi perhatian serius kerana kekurangan keseimbangan zat dan protein dalam diet dapat mengganggu rembesan hormon estrogen dan progesteron yang seterusnya memberi kesan negatif terhadap prestasi atlet (Rooney, Gilmartin & Heron, 2023). Dalam kajian ini, pengkaji memastikan setiap atlet menerima penerangan yang lengkap mengenai kepentingan pemakanan seimbang sepanjang tempoh intervensi memandangkan kesemua atlet kajian tinggal di kediaman masing-masing. Atlet dalam kumpulan latihan pliometrik dan latihan mendaki diberikan minuman isotonik sebanyak 200 ml yang mengandungi 54.15 kcal daripada jenama 100 Plus (Campagnolo et al.,

2017; Grumezescu & Holban, 2019) 10 minit sebelum sesi intervensi dimulakan.

## **1.8.2 Delimitasi Kajian**

### **1.8.2.1 Tempoh masa latihan program latihan pliometrik dan latihan latihan mendaki ditetapkan.**

Tempoh masa latihan penting untuk dikawal mengikut prinsip latihan FITT yang dilaksana secara konstan bagi memastikan atlet tidak menjalani latihan bebanan yang tinggi. Situasi ini dapat mengelakkan penurunan prestasi atlet (Burnet, Higgins, Kelsch, Moore & Stoner, 2020). Pengkaji memastikan intervensi latihan dilaksanakan mengikut kemampuan atlet berbanding prinsip FITT bagi mewujudkan prestasi yang lebih efektif.

### **1.8.2.2 Tempoh masa rehat program latihan pliometrik dan latihan latihan mendaki ditetapkan.**

Tempoh masa rehat antara setiap set latihan dan setiap sesi latihan perlu dikawal berbanding bebanan dan intensiti bagi memastikan otot memiliki masa dan ruang untuk kembali pulih (Mackenzie, 2007; Drury, Peacock, Moran, Cone & Campillo, 2021). Pengkaji memastikan tempoh masa rehat antara setiap sesi latihan dan antara setiap set latihan adalah sesuai dengan intensiti latihan yang ditingkatkan secara berkala.

### **1.8.2.3 Intensiti program latihan pliometrik dan latihan latihan mendaki dikawal mengikut bebanan**

Bebanan dan ulangan latihan khusus untuk atlet wanita dilaksanakan secara konstan (Impellizzeri, Marcora & Coutts, 2019; Sawyer, Cavalheri,& Hill, 2020) berpandukan prinsip FITT (Markovic & Mukulic, 2010; Burnet et al., 2020) bagi membolehkan prestasi atlet yang lebih positif dicapai. Bagi memastikan kesan intervensi yang positif, pengkaji memastikan bebanan dan intensiti latihan dilaksanakan secara konstan dengan mengambil kira aspek frekuensi latihan dan juga tempoh masa rehat serta tempoh masa latihan dilaksanakan pada fasa haid yang berbeza.

### **1.8.2.4 Kawasan intervensi dilaksanakan.**

Pemilihan kawasan pelaksanaan intervensi menjadi salah satu prinsip yang penting dalam memastikan latihan dilaksanakan dengan lebih selamat dan selesa serta memberi kesan positif terhadap prestasi atlet (French & Ronda, 2022; Adnan & Shahrusin, 2022). Pengkaji memastikan kawasan yang lebih selamat dipilih bagi melaksanakan intervensi dengan lebih selamat. Malah pengkaji juga merujuk kepada Pejabat Tanah Daerah Cameron Highlands dan juga Majlis Daerah Cameron Highlands bagi menilai tahap keselamatan cerun dan darjah kecerunan kawasan cerun yang digunakan sebagai kawasan pelaksanaan intervensi.

## 1.9 Definisi Pemboleh ubah kajian

### 1.9.1 Pliometrik

Latihan pliometrik adalah satu bentuk latihan yang bertujuan untuk meningkatkan kekuatan dan kelajuan dengan melibatkan pergerakan otot secara esentrik dan konsentrik yang dilakukan dengan cepat dan kuat. Pergerakan otot yang dilakukan pada kekerapan tinggi ini meningkatkan kapasiti otot untuk menghasilkan tenaga yang lebih besar dalam tempoh masa yang singkat. Latihan pliometrik memberikan manfaat yang signifikan dalam meningkatkan kuasa otot, kelajuan, prestasi, koordinasi antara otot dan sistem saraf.

Latihan ini melibatkan pelbagai bentuk latihan yang berbeza intensitinya bergantung kepada tahap keupayaan atlet. Antara contoh latihan pliometrik yang sesuai untuk meningkatkan kuasa otot termasuk *box jumps*, *broad jumps*, *jump squats* dan *bounding*. Keberkesanan latihan pliometrik dapat dicapai apabila ia dirancang secara menyeluruh dan berperingkat mengikut tahap kemampuan individu atlet (Mc Groarty, Brown & Mulcahey, 2020).

Dalam konteks kajian ini, model Mackenzie (1997) iaitu *Model of Plyometric Drills and Their Intensity* diaplikasikan dengan berpandukan prinsip FITT (frekuensi, intensiti, tempoh dan jenis latihan). Intensiti latihan ditingkatkan secara berperingkat bermula dengan intensiti sederhana dalam fasa persediaan dan berkembang kepada

intensiti yang lebih tinggi dalam fasa pertandingan.

Model latihan pliometrik yang dibina menekankan pemilihan jenis latihan yang bersesuaian dengan tahap umur dan kemampuan atlet iaitu *squat*, *bounds* and *hops* dan lompat dua kaki melepasi halangan. Ia juga memberi perhatian terhadap manipulasi frekuensi dan bebanan latihan yang disesuaikan dengan intensiti latihan untuk mengelakkan bebanan yang terlalu tinggi terhadap atlet. Selain itu, model ini turut memberi penekanan terhadap aspek tempoh masa rehat antara setiap set latihan serta tempoh masa rehat antara jenis latihan yang berbeza bagi memastikan atlet mendapat rehat yang secukupnya untuk memaksimumkan keberkesanan latihan. Oleh itu, program latihan ini digunakan oleh setiap atlet pada fasa awal luteal dan fasa akhir folikel.

### **1.9.2 Latihan Mendaki**

Latihan mendaki merujuk kepada aktiviti pendakian yang bertujuan untuk meningkatkan kekuatan dan daya tahan otot terutamanya otot kaki. Aktiviti ini biasanya dilaksanakan di kawasan berbukit atau gunung di mana atlet perlu mendaki permukaan cerun dengan pelbagai darjah kecerunan. Latihan mendaki adalah satu program latihan yang sesuai untuk meningkatkan kekuatan otot kaki dan daya tahan tubuh secara keseluruhan terutamanya otot kuadrisep, soleus, gluteus dan gastroknemius. Terdapat pelbagai jenis latihan mendaki termasuk pendakian bukit, pendakian gunung, pendakian salji dan pendakian mendatar (Bontemps, Vercruyssen, Gruet & Louis, 2020 ; Walsh & Harrison, 2022).

Dalam kajian ini, jenis latihan pendakian bukit yang dipilih adalah berlari pecut mendaki bukit dengan darjah kecerunan tinggi dan *slow jog* menuruni bukit. Tahap intensiti latihan mendaki ditentukan melalui manipulasi darjah kecerunan bukit yang bertujuan untuk meningkatkan kekuatan dan stamina dalam jangka masa yang lebih singkat. Dalam konteks kajian ini, model Mackenzie (2007) iaitu *Model of Hill Training*, digunakan sebagai kerangka untuk memberi penekanan terhadap pelaksanaan latihan dari fasa persediaan hingga fasa pertandingan. Model ini juga selaras dengan prinsip FITT (frekuensi, intensiti, tempoh dan jenis latihan) yang menekankan manipulasi intensiti latihan secara berkala bermula dengan intensiti rendah dan meningkat secara progresif ke intensiti tinggi untuk memperkuat otot dan meningkatkan stamina atlet.

Selain itu, model ini juga memberi penekanan terhadap manipulasi aspek bebanan latihan yang dirancang dengan teliti termasuk jarak larian, darjah kecerunan, bilangan set dan bilangan ulangan yang ditingkatkan secara berperingkat mengikut intensiti latihan yang disesuaikan dengan tahap kemampuan atlet. Tambahan pula, model latihan ini memberikan perhatian kepada tempoh masa rehat yang mencukupi bagi memastikan atlet mendapat pemulihan yang optimal sepanjang sesi latihan. Oleh itu, program latihan yang terancang ini digunakan oleh setiap atlet pada fasa awal luteal dan fasa akhir folikel.

### 1.9.3 Kuasa Otot Kaki

Kuasa otot kaki merupakan kemampuan otot-otot di kaki untuk menghasilkan tenaga atau kekuatan dengan cepat dalam tempoh masa singkat. Kuasa eksplosif otot kaki dapat diwujudkan menerusi prinsip manipulasi bebanan latihan, kekerapan latihan, tempoh masa latihan, tempoh masa rehat dan bilangan set (Washington & Karen, 2018; Cope & Partington, 2020; Anzelmo, 2021; Frank et al., 2022; Schlawe et al., 2025). Ujian lompat jauh berdiri dapat mengukur tahap kuasa eksplosif yang wujud menerusi kaedah mengukur jarak lonjakan ke hadapan (Bogdanis et al., 2019; Morrow, Mood, Dish & Kang, 2023; Behm, 2024)

### 1.9.4 Saiz Otot Kaki

Kekerapan pergerakan otot kaki melibatkan otot yang mengandungi protein yang tinggi mengakibatkan peningkatan dalam saiz dan jisim otot kaki berkenaan berikutan penghasilan nukleus otot yang tinggi (Sato et al., 2022; Arseneault, 2024). Ujian ukur lilit otot gastroknemius membantu dalam mengenalpasti saiz ukur lilit otot gastroknemius (Madhavi & Sharma, 2018; Yasuda, 2020; Steckel, 2024; Thompson & Miller, 2025).

### 1.9.5 Kekuatan Otot kaki

Kekuatan otot kaki merupakan keupayaan otot mengatasi rintangan bagi menghasilkan daya tahan otot tinggi untuk meningkatkan prestasi atlet (Pink et al., 2021). Kekuatan otot

kaki diukur menerusi penebalan otot yang dihubungkan dengan hipertrofi miofibril dan hipertrofi sarkoplasmik. Ujian squat membolehkan penilaian terhadap prestasi kekuatan otot kaki menerusi bilangan ulangan squat yang mampu dilakukan (Mackenzie, 1997; Song, Albrandt, Jensen & Dai, 2021; Darragi et al., 2024; Gillen et al., 2025).

### 1.9.6 Daya Tahan Otot Kaki

Daya tahan otot kaki merujuk kepada keupayaan otot untuk mengatasi rintangan dengan menghasilkan daya secara berulang atau berterusan apabila kekuatan maksimum otot dicapai (Ratamess et al., 2016; Blocquiaux et al., 2020). Ujian *double leg tuck jump* digunakan untuk menilai daya tahan otot kaki melalui pengukuran bilangan lonjakan yang dilakukan secara berulang selama 50 saat tanpa henti dan tanpa rehat (Haff & Triplett, 2016; Jeffreys & Moody, 2016; Moore, Bembem, Lein, Bembem & Singh, 2020).

### 1.9.7 Tahap Stres

Stres merupakan tekanan mental yang dialami oleh atlet dalam menjalani aktiviti sukan. Tekanan mental ini memberi kesan kepada emosi yang wujud akibat rembesan hormon kortikotropin yang merangsang kelenjar pituitari meningkatkan rembesan hormon adrenokortikotropin menyebabkan tahap stres tinggi (Sukhareva, 2021). Stres tinggi dan risiko kecederaan wujud akibat latihan yang berintensiti tinggi dan bebanan yang tinggi (Gledhill & Forsdyke, 2017; Rozsnyai, Grosu & Rusu, 2020). Malah, kandungan hormon estrogen dan hormon progesteron dalam fasa kitaran haid juga merangsang reseptor otak

pada bahagian *prefrontal cortex* menyebabkan peningkatan stres (Jessica, Thomas & Gurvich, 2020). Dalam kontak kajian ini, pengkaji ingin menilai keberkesanan program latihan yang terancang terhadap tahap stres yang dilaksanakan pada fasa kitaran haid yang sesuai. Soal selidik *Profile of Mood States (POMS 2-Y Short)* dapat menilai tahap stres atlet terhadap sesi latihan (Heuchert & McNair, 2012).

### 1.9.8 Tahap Tekanan Darah

Tekanan darah merujuk kepada kekuatan yang dikenakan oleh darah terhadap dinding saluran darah semasa ia mengalir melalui tubuh. Pengukuran tekanan darah dilakukan dalam dua tahap utama iaitu tekanan darah sistolik dan tekanan darah diastolik. Tekanan darah sistolik adalah tekanan yang diukur ketika jantung berdegup dan mengepam darah ke seluruh tubuh manakala tekanan darah diastolik pula diukur ketika jantung berehat di antara degupan iaitu semasa jantung tidak mengepam darah. Bacaan tekanan darah normal biasanya berada dalam julat 120/80 mmHg.

Min tekanan arteri adalah bacaan purata yang lebih tepat mengenai tekanan yang diperlukan untuk memastikan aliran darah mencukupi ke organ-organ penting dalam tubuh (Mariano, Amaral, Ribeiro & Puga, 2022). Formula min tekanan arteri adalah seperti pada rajah 1.2. Tekanan darah yang terlalu tinggi atau terlalu rendah boleh memberi kesan negatif terhadap tahap kesihatan dan prestasi atlet. Hipertensi iaitu tekanan darah tinggi berisiko menyebabkan pelbagai penyakit kardiovaskular termasuk penyakit jantung sementara hipotensi (tekanan darah rendah) menyebabkan pengurangan

aliran darah ke organ-organ penting yang menjejaskan fungsi tubuh (Herrod et al., 2018).

### Rajah 1.2

*Formula Kiraan Min Tekanan Arteri.*

$$\text{Min Tekanan Arteri} \Rightarrow \text{Tekanan Diastolik} + \left( \frac{\text{Tekanan Sistolik} - \text{Tekanan Diastolik}}{3} \right)$$

Dipetik dari A single session of exercise reduces blood pressure reactivity to stress. Mariano, Amaral, Ribeiro dan Puga, 2022.

Perancangan latihan yang sesuai dan teliti memainkan peranan penting dalam menguruskan tekanan darah serta meningkatkan daya tahan kardiovaskular. Hal ini disebabkan oleh program latihan yang memberi kesan yang berbeza terhadap tekanan darah, bergantung kepada jenis, intensiti dan tempoh masa latihan yang dilakukan. Perancangan dan adaptasi latihan yang tepat dapat menurunkan tekanan darah dengan sekaligus mengurangkan tahap stres (Camm, Luscher, & Serruys, 2019; Zatsiorsky, Kraemer & Fry, 2021; Mariano et al., 2022). Ujian tekanan darah digunakan untuk menilai kesan latihan terhadap min tekanan arteri atlet (Adam & Rachel, 2023).

### 1.9.9 Keseimbangan Kitaran Haid

Kitaran haid adalah satu proses biologi yang berlaku dalam tubuh wanita melibatkan perubahan hormon serta beberapa peristiwa fisiologi yang mengatur kesuburan dan reproduksi. Keseimbangan kitaran haid merujuk kepada keadaan di mana kitaran haid wanita berfungsi dengan normal dan teratur tanpa gangguan atau ketidakseimbangan. Secara umum, kitaran haid yang normal adalah antara 21 hingga 35 hari dengan tempoh pendarahan haid biasanya berlangsung antara tiga hingga tujuh hari.

Keseimbangan kitaran haid melibatkan empat fasa utama iaitu fasa haid, fasa folikel, ovulasi dan fasa luteal. Keseimbangan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk hormon utama seperti estrogen dan progesteron selain faktor lain seperti stres, pemakanan, senaman dan kesihatan umum. Ketidakseimbangan dalam kitaran haid, seperti haid yang tidak teratur, berlebihan atau kurang dan masalah kesuburan boleh menjadi petunjuk adanya gangguan hormon atau masalah kesihatan lain (Kaori et al., 2020; Meignie et al., 2021).

Kitaran haid wanita mempunyai pengaruh terhadap prestasi sukan disebabkan oleh perubahan hormon yang berlaku sepanjang kitaran tersebut. Prestasi atlet wanita berbeza mengikut fasa-fasa dalam kitaran haid di mana kandungan hormon yang berbeza pada setiap fasa memberikan kesan kepada prestasi fizikal. Fasa akhir folikel dan awal luteal yang mencatatkan peningkatan rembesan hormon estrogen dan progesteron didapati merangsang prestasi fizikal yang lebih tinggi (Maccourek, 2019; Gimunova et al.,

2022). Dalam konteks kajian ini, kitaran haid dinilai berdasarkan tiga fasa utama iaitu fasa sebelum haid (lapan hari sebelum pendarahan haid dijangka bermula), fasa semasa haid (hari ketiga selepas pendarahan haid bermula) dan fasa selepas haid (lapan hari selepas pendarahan haid berakhir).

### 1.10 Rumusan

Secara keseluruhan, kajian dilaksanakan bagi merancang dan membentuk program latihan yang lebih berkesan terhadap peningkatan prestasi yang khusus kepada atlet wanita berumur 14-17 tahun. Program latihan pliometrik dan latihan mendaki dirancang berdasarkan prinsip latihan FITT iaitu frekuensi latihan, intensiti latihan, tempoh masa dan jenis latihan yang dilaksanakan pada fasa haid berbeza untuk menilai kesan terhadap prestasi fizikal, tahap stres dan tahap tekanan darah atlet. Hasil prestasi atlet menerusi program latihan ini membolehkan pengkaji menilai program latihan yang efektif dilaksanakan terhadap atlet wanita 14 hingga 17 tahun pada fasa kitaran haid yang lebih sesuai.